

PERKEMBANGAN DAKWAH DI CAPE TOWN, AFRIKA SELATAN DAN SURVIVALNYA MASAKINI

Oleh

Prof. Madya Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin*

Abstract

There were very few Muslims in Malay Archipelago a decade ago who knew about the da'wah in Cape Town. Just after that, the knowledge of it began to spread, especially among the Islamic community in Malaysia, as a result of the effective communication nowadays. This article consists of two parts (part I and part II). In part I, it discusses several Muslims who had been taken mostly from the Malay Archipelago and India to Cape Town since the 1650's. It describes their excellent efforts in building da'wah history in Cape Town. This article also focuses the condition of the da'wah in Cape Town today and the problems of Muslims community in it.

PENDAHULUAN

Sejarah perkembangan dakwah di Cape Town, Afrika Selatan seolah-olah tidak wujud di kalangan kebanyakan orang Islam di Kepulauan Melayu. Hanya disebabkan perhubungan global yang lebih senang mutakhir ini, sejarah tersebut mula terbongkar ke pengetahuan umum masyarakat Islam di Malaysia khususnya. Sejarah ini mula diminati setelah diketahui bahawa hubungan antara kedua-dua belah pihak bukan saja atas dasar agama, malah persamaan rumpun bangsa yang terbuang ke Cape Town sejak pertengahan abad ke-17. Nama The Cape Malays yang dipanggil kepada satu kumpulan di Afrika Selatan, khususnya di Cape Town bagaikan satu tarikan besi berani bagi ramai orang di Malaysia untuk mengetahui kedudukan sebenar di sebalik nama tersebut. Kajian ini cuba membongkar beberapa persoalan yang timbul untuk mendapat jawapan yang sebenar tentang dakwah di Cape Town sejak ia mula diperkenalkan.

*Pensyarah dan Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Dalam pengumpulan data, penulis mendapatkannya daripada sumber-sumber yang berautoriti, sama ada data-data yang telah dicetak atau melalui interview. Daripada data-data yang didapati, dibuat perbandingan dan penapisan untuk digunapakai untuk kajian ini. Kewujudan penulis di tempat kajian dan tinggal bersama-sama masyarakatnya selama empat bulan banyak membantu penulis untuk menghasilkan kajian ini.

SEJARAH KEDATANGAN ISLAM

Perbincangan mengenai Islam di Cape Town dan sejarah kedatangan seolah-olah membincangkan Islam di keseluruhan Afrika Selatan, kerana di Cape Town Islam mula bertapak dan perkembangannya hingga kini lebih menarik daripada kawasan-kawasan lain di Afrika Selatan. Di samping itu, jumlah orang Islam di Provinsi Western Cape sekarang ada yang berpendapat tiga perempat juta orang, berbanding dengan dua juta orang di seluruh Afrika Selatan (Achmat Davids, 1997).

Berdasarkan pendapat tersebut, dapat dianggarkan lebih kurang 4% orang Islam di Afrika Selatan, yang kebanyakan mereka dari kumpulan yang disebut Cape Malay manakala 20% adalah keturunan India. Jumlah peratus tersebut berdasarkan perangkaan 1995 penduduk Afrika Selatan yang melebihi 41 juta orang (Burger, Third edition: 5-21 dan 396).

Ada yang berpendapat bahawa Cape Town diasaskan pada tahun 1650-an oleh Belanda yang dijadikan pengkalan perbekalan menuju ke India (Joyce, 1995: 8). Sejak April 1652 orang Belanda mula sampai di kawasan ini dan selepas itu ia berkembang menjadi sebuah bandar bagi pengkalan perbekalan dan koloni (Brian, 1988: 36).

Cape Town menjadi ibu negeri kepada Provinsi Western Cape, iaitu salah satu daripada sembilan provinsi Afrika Selatan. Ia juga menjadi ibu negeri legislatif bagi Afrika Selatan (Joyce: 8). Ia meliputi hampir-hampir 187,000 hektar yang mempunyai penduduk seramai hampir tiga juta orang (Cox, 1995: 171 dan Travel Guide, t.t: 245).

Islam mula sampai ke Cape Town pada tahun 1658. Ia termasuk ke dalam siri penghijrahan hamba, orang penjara, buangan politik dan penjenayah dari Afrika dan Asia, dari tahun 1652 hingga tahun 1834. Pada tahun tersebut, orang-orang Mardkyer dari Amboya Kepulauan Melayu yang menjadi orang suruhan pegawai-pegawai Belanda disinggahkan di Cape Town dalam perjalanan mereka ke Belanda. Tetapi

ramai dari kalangan mereka bersetuju dikekalkan di Cape Town sahaja (Costa, 1994: 1)

Kedatangan Islam ke Cape Town dan perkembangan Islam selanjutnya berhubung rapat dengan hamba-hamba dan buangan politik. Untuk kepentingan Belanda, hamba-hamba dibawa dari timur yang terdiri dari Jawa, Bali, Timor, Semenanjung Tanah Melayu, Cina, Burma dan India (Brian, 1988: 49-50).

Bradlow telah mencatatkan penghijrahan hamba ke Cape Town bermula selepas pertengahan abad ke-17 (1652) hingga awal abad ke-19 (1818) sebagaimana berikut (Bradlow, 1978: 102):

| Tempat asal | Bilangan | Peratus |
|-------------------------|-----------------|----------------|
| Africa - Madagascar | 875 | 26.65 |
| Ceylon | 102 | 3.10 |
| India | 1195 | 36.40 |
| East Indies (Indonesia) | 1033 | 31.47 |
| Mauritius | 6 | 0.18 |
| Malaya | 16 | 0.49 |
| Lain-lain | 13 | 0.40 |
| Tidak dapat dipastikan | 43 | 1.31 |
| Jumlah | 3,283 | 100.00 |

Belanda telah mengenakan dasar yang ketat ke atas orang-orang Islam di atas jajahan takluknya di Kepulauan Melayu, terutamanya Indonesia dan Malaysia. Islam tidak boleh diamalkan di khalayak ramai. Ini menimbulkan kemarahan dan penentangan orang Islam terhadap Belanda. Belanda selalunya berjaya mengatasi penentangan orang Islam. Dari sini bermulalah pembuangan politik dan hamba ke Cape Town (Costa, 1994: 13).

Mengikut satu catatan, orang-orang Islam dibawa ke Cape Town, terutamanya sebagai hamba, buangan politik dan pesalah, sejak 1657. Mereka datang dari Afrika, terutamanya Madagaskar, Sri Langka, India dan kawasan-kawasan yang dikenali sebagai Indonesia sekarang (Boo-Kaap Museum).

Pada pertengahan 1667, tiga orang buangan politik yang sangat berpengaruh di Sumatera tiba di Cape Town. Walaupun dalam keadaan tawanan, mereka sempat memperkenalkan Islam kepada orang lain (Achmat Davids, 1995: 34). Pada masa itu, walaupun belum ramai, sudah terdapat orang Islam di Cape Town (Costa, 1994: 130).

Buangan politik yang utama berhubung dengan perkembangan Islam di Cape Town ialah Shaykh Yusuf (1626-1699). Berasal dari Makasar, Shaykh Yusuf dibuang ke Cape Town pada 1694, ekoran daripada penentangannya terhadap Belanda di Bantam (Yasien Mohamed, 1997: 2). Dalam masa yang singkat sahaja, Shaykh Yusuf sempat mengembangkan ajaran Islam sehingga beliau meninggal (ICOSA, t.t: 3)

Menghala ke bahagian akhir abad ke-18 terdapat beberapa orang tokoh yang telah mengembangkan Islam dikawasan ini. Mereka itu seperti Shaykh Madura (m. 1754) dan Tuang Sayyid (m. 1760). Pada peringkat permulaan, mereka sempat mengajar orang-orang penjara dan hamba-hamba (Muhammed Haron (comp.) t.t: 131).

Tokoh-tokoh lain ialah Tuang Guru (Abdullah ibn Qadi Abdus Salam) (1712-1807). Buangan politik yang dipenjarakan ini tiba di Cape Town pada 1780. Selepas 12 tahun dalam penjara, beliau aktif dalam pengajaran Islam dan bertanggungjawab mendirikan madrasah dan masjid, yang pertama di Cape Town (Mahida, 1993: 8-10).

Di atas tapak yang telah diasaskan oleh beberapa orang tokoh dalam ajaran Islam, Islam di Cape Town terus berkembang dari masa ke semasa.

USAHA-USAHA DAKWAH PADA MASA LALU

Agak sukar untuk melihat secara terperinci bagaimanakah dakwah disebar pada peringkat permulaan di kalangan Cape Malays dan Cape Muslims di Cape Town. Namun kajian ahli sejarah menunjukkan bahawa cara-cara tradisional, sebagaimana sesetengahnya masih dilakukan sampai sekarang menjadi aktiviti kepada usaha dakwah pada masa itu.

Dua orang Cayen dari Sumatra yang tiba di Cape Town pada 1667, iaitu Shaykh Abd al-Rahman Matabe dan Shaykh Mahmud telah mengajar tentang Islam dan melakukan sembahyang (Achmat Davids, 1995: 34). Walaupun keadaan mereka terlalu terhad, kerana berada dalam buangan dan kawalan, mereka dapat mengumpul

kumpulan kecil untuk melakukan amalan tasawuf (Costa, 1994: 130).

Shaykh Yusuf, yang diakui sebagai ahli tasawuf telah mengadakan kelas-kelas untuk mengajar ajarannya bermula dari 1694 sehingga kematiannya 1699 (ICOSA, t.t: 3). Sebagai seorang pengamal tasawuf, beliau mengadakan zikir arwah; ke tujuh hari, ke empat puluh hari dan ke seratus hari. Beliau juga mengadakan sambutan mawlid dan bacaan kisah Isra' Mikraj. Beliau memperkenalkan *Ratip* di Cape Town yang merupakan satu amalan dalam tasawuf (Achmat Davids, 1995: 35).

Catatan menunjukkan bahawa sekitar tahun 1770 beberapa orang hamba Islam bertemu sesama mereka setiap minggu di rumah tertentu untuk sembahyang dan membaca al-Quran. Mereka juga bertemu untuk menyambut tahun baru mereka di rumah-rumah yang tertentu (Achmat Davids, 1980: 88).

Sebelum didirikan masjid sebagai tempat belajar (*madrasah*), rumah memainkan peranan sebagai sekolah (*home-based schools*). Anak-anak diajar tentang Islam melalui perseorangan. Keadaan ini berlaku sehinggalah terdirinya masjid sebagai tempat belajar, iaitu Owai Mosque (masjid yang pertama didirikan pada 1797 mengikut sesetengah pendapat). Perubahan tempat belajar dari rumah ke masjid secara terbuka menarik ramai anak-anak untuk belajar, termasuk dari hamba-hamba dan *free-black* kerana kerajaan penjajah tidak menyediakan pembelajaran untuk mereka (Yasien Mohamed, 1997: 29). Perubahan tersebut amat bererti kepada perkembangan dakwah, kerana sebelumnya, iaitu sebelum 1795 kebebasan agama tidak dibenarkan dan pembinaan masjid secara khusus juga tidak dibenarkan (Bradlow, 1978: 19). *Madrasah* yang didirikan itu memainkan peranan yang penting dalam menarik ramai hamba-hamba kepada Islam. Ia sangat popular di kalangan masyarakat hamba dan masyarakat *free-black* (Mahida, 1993: 9).

Pada akhir abad ke-18, Tuan Guru telah memainkan peranannya dalam penyebaran ajaran Islam di Cape Town. Beliau telah mendirikan *madrasah* yang mula-mula di Cape Town, mendirikan Jumaat mula-mula, di samping jamaah-jamaah yang lain dan mempelopori kelas-kelas bacaan al-Quran di masjid, mengadakan pengajaran akidah dan syariah (Yasien Mohamed, 1997: 2).

Walaupun bilangan pelajar pada peringkat permulaannya sangat sedikit, namun begitu pengajian di *madrasah* ini sangat berjaya, kerana pelajar bertambah dengan cepat. *Madrasah* terbuka kepada semua, sebagai alternatif kepada penyediaan pelajaran. Akhirnya, ia dicurigai oleh pihak Kristian (Costa, 1994: 48).

Sehingga 1832 terdapat tidak kurang daripada 12 buah *madrasah* di Cape Town, yang mana pelajar menerima pengajian Islam berdasarkan falsafah Usuluddin

Sya'ari dari peninggalan Tuang Guru melalui tulisannya *Ma'rifat al-Islam wa'l Iman* (Yasien Mohamed, 1997: 3). Peranan Tuang Guru bukan saja mendirikan *madrasah*, tetapi juga menulis kitab (Muhammed Haron (comp.): 131).

Pada pertengahan abad ke-19 Achmat Sadik telah memainkan peranannya mengadakan kelas dan *madrasah* untuk mengajar Islam secara teratur. Selain daripada Achmat Sadik terdapat orang lain cuba menyumbangkan tenaganya memberi pelajaran Islam kepada orang Islam (Costa, 1994: 74). Namun, pengajian di Cape Town, terutamanya pengajian Islam sangat terhad, kerana sentiasa bertentangan dengan agama dan budaya penjajah; Belanda, Inggeris dan dasar Apartheid (ICOSA, t.t: 3)

Sebagai kesimpulan, aktiviti dakwah pada masa-masa lalu banyak dilakukan dalam bentuk pengajian *halaqah (madrasah)* sama ada di rumah atau di masjid. Walaupun ia sangat terhad, tetapi berjaya menyemai ajaran Islam berdasarkan kefahaman semasa kepada orang Islam Cape Town.

DAKWAH PADA MASA SEKARANG

Sebagaimana yang telah disebutkan di permulaan bahawa di Provinsi Western Cape terdapat jumlah orang Islam yang teramai, berbanding dengan provinsi-provinsi lain di Afrika Selatan. Perkembangan Islam pada masa-masa akhir ini, terutamanya selepas terhapusnya dasar Apartheid (1994) adalah menggalakkan. Peluang untuk mengembangkan Islam cukup baik, kerana kebebasan melakukan pemujaan dan ritual dijamin oleh Perlembagaan Afrika Selatan (1993) dan polisi rasmi kerajaan yang tidak campur tangan dalam hal-hal pelaksanaan keagamaan (Burger, third edition: 392 dan SACS, t.t: 108).

Agen utama dalam gerakan dakwah kini ialah institusi Islam. Ia termasuk, masjid dan pertubuhan Islam/dakwah. Terdapat di Cape Town dan persekitarannya sebanyak 116 buah masjid (Boorhaan, 1997). Masjid menjadi tapak kepada aktiviti masyarakat Islam, terutamanya aktiviti solat dan pengajian peringkat kanak-kanak.

Manakala pertubuhan Islam/dakwah pula terdapat di Cape Town dan persekitarannya sebanyak lebih kurang 172 persatuan/pertubuhan (Ebrahim Ismail, 1997). Dalam bentuk yang bermacam-macam, pertubuhan-pertubuhan ini menggerakkan aktiviti masing-masing, dengan penekanan berdasarkan pandangan tertentu, namun kesemuanya mempunyai matlamat yang sama, iaitu peningkatan kualiti masyarakat Islam.

Institusi Islam yang agak ke depan melakukan khidmatnya di Cape Town pada masa sekarang adalah seperti berikut:

1. The Muslim Judicial Council (1945)
2. Tabligh Jama'at (1959)
3. Muslim Views (1960/1986)
4. Muslim Assembly (1967)
5. Majlisu Shura Al Islami (1968)
6. Muslim Youth Movement of South Afrika (1970)
7. Muslim Board for Prison Welfare and State Institutions (1971)
8. Muslim Student's Association of South Africa (1974)
9. Islamic Council of South Afrika (1975)
10. South African National Zakah Fund (1977)
11. Islamic Dawah Movement of South Africa (1981)
12. Qibla Mass Movement (1981)
13. Africa Muslim Agency (1981)
14. Islamic Medical Association of South Africa (1981)
15. Call of Islam (1984)
16. The Mustadafin Foundation (1986)
17. Islamic Unity Conversion (1994)
18. Voice of the Cape (1995)
19. Radio 786 (1995)

Dari sudut pelajaran dan pendidikan Islam, beberapa institusi di peringkat tertinggi telah diwujudkan di Cape Town sekarang. Pusat pelajaran dan pendidikan tersebut ialah:

1. Islamic College of Southern Africa (1990). ICOSA menawarkan pengajian peringkat tinggi yang mengambil masa selama empat tahun.
2. Darul Arqam Islamic Institute (1992). DAII menawarkan pengajian peringkat tinggi yang mengambil masa selama empat tahun.

3. Department of Arabic Studies in University of Western Cape (1982). Nama baru ialah Unit Bahasa Arab, Department of Foreign Language.
4. Islamic studies course of Department of Religious Studies in the University of Cape Town (1989).
5. Islamia College (1984) yang menawarkan pengajian peringkat menengah dalam berbagai-bagai bidang.

Usaha-usaha pesat yang dilakukan terhadap perkembangan dakwah masakini, membuatkan Islam terus hidup dan mendapat tempat di kalangan masyarakat.

Walaupun begitu, kajian terhadap Islam masakini di Cape Town menemui beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam. Masalah utama yang ditemui ialah masalah dalam perpaduan, kehilangan identiti dan nilai, masalah pelajaran dan ekonomi. Dengan itu, tanggungjawab institusi Islam/dakwah untuk menangani permasalahan tersebut semakin berat dan perlu dilakukan dengan bijaksana, terutamanya untuk menuju kepada pembangunan masyarakat Islam yang utuh.

MASALAH ORANG ISLAM MASAKINI

Sebagai sebuah masyarakat minoriti yang hanya berjumlah lebih kurang 4% daripada jumlah penduduk Afrika Selatan, sudah tentu banyak masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam. Masalah ini ditambah lagi kerana perbezaan agama dan kebudayaan dengan masyarakat majoriti yang juga terdiri daripada pelbagai suku kaum dan puak. Sudah tentu, menjalani hidup dalam masyarakat seperti ini terpaksa menghadapi banyak masalah termasuk masalah keselamatan diri (Mowzer, 1997).

Di samping itu, masalah yang lebih utamanya kerana latar belakang Cape Malays. Islam dibawa ke Cape Town oleh buangan politik dan hamba. Kebebasan mereka amat terhad, malah tidak ada. Dalam keadaan seperti ini, Islam disebar secara sembunyi dan sulit. Islam tidak boleh sampai keseluruhannya, malah dalam bahagian-bahagian tertentu sahaja dan ia amat sesuai dengan bentuk tasawuf yang menekankan ritual peribadi dan bacaan-bacaan tertentu sahaja. Islam tidak boleh disampaikan dalam bentuk peraturan dan sistem hidup. Malah, sejarah menunjukkan sesiapa yang didapati mengamalkan Islam di khalayak ramai akan dihukum bunuh.

Di samping itu, masyarakat Islam terus berada dibawah penjajahan barat. Mula-mula Belanda, iaitu sejak koloninya di Cape Town selepas pertengahan abad ke-17.

Kemudian Inggeris, iaitu bermula pada tahun 1794, setelah Inggeris dapat mengalahkan Belanda. Selepas itu berada di bawah dasar Apartheid bermula 1948 hingga 1994. Penjajah Barat amat curiga terhadap perkembangan Islam, kerana pengalamannya di Alam Melayu, dengan itu tidak membenarkannya. Dalam keadaan seperti inilah Islam berkembang di Cape Town.

Beratus-ratus tahun masyarakat Islam berada dalam keadaan penjajahan tersebut. Adakah orang yang menerima Islam dari keadaan seperti itu akan menjadi orang Islam yang sempurna? Sudah tentu tidak (D' Arcy, 1997).

Dengan itu, sampai sekarang, agama dihayati sebagai lambang, tidak isinya. Islam banyak menjadi urusan peribadi yang kebanyakannya berbentuk ritual peribadi dan bacaan, tidak dalam bentuk falsafah luar yang boleh membangun untuk menjadi sebuah masyarakat yang utuh (Achmat Davids, 1997).

Keadaan tersebut ditambah pula dengan isu-isu mazhab yang boleh memecahkan masyarakat Islam. Contohnya ialah apabila Abu Bakar Effendi (1835-1880) yang berasal dari Turki datang ke Cape Town dan menyebarkan aliran Hanafi yang antaranya melalui pembukaan sekolah pengajian Usuluddin di Wale Street, ajaran beliau menjadi kontroversi di Cape Town (MJC, 1998: 9). Pengikut-pengikut mazhab Syafie yang merupakan kelompok dominan tidak menyenangi ajaran tersebut (Achmat Davids, 1980: 54). Keadaan ini melemahkan lagi masyarakat Islam, kerana ia membawa kepada perpecahan yang berpunca daripada aliran ajaran Islam.

Latar belakang masyarakat Islam Cape Town adalah suatu keadaan yang malang dan atas latar belakang inilah mewarnai atau mempengaruhi masyarakat Islam Cape sekarang.

Kajian untuk menentukan apakah masalah sebenar Cape Malays harus dilakukan dengan teliti. Kalau tidak, hasilnya tidak mencapai target dan jalan penyelesaian yang dicadangkan tidak selaras dengan masalah, yang nanti membawa kepada kegagalan.

Dalam hal ini, lebih daripada 20 responden telah diteliti pendapat masing-masing tentang masalah yang dihadapi oleh Cape Malays. Sudah tentu, mereka harus mewakili pendapat ramai kerana keterlibatan mereka dalam masyarakat dan penelitian-penelitian yang pernah dilakukan. Mereka terdiri daripada pihak masjid, pihak pertubuhan Islam dan orang-orang tertentu yang difikir boleh memberi pandangan dalam hal ini. Selain daripada itu, beberapa tulisan telah dirujuk untuk mengenalpasti masalah-masalah yang telah direkodkan. Pendapat tersebut dikumpul, dibanding, dianalisis dan disimpulkan.

Di bawah ini disenaraikan masalah-masalah yang dihadapi:

Masalah pertama yang dihadapi oleh Cape Malays yang menjadi pendapat teramai dalam kajian ini ialah kelemahan golongan yang dilabelkan ulama atau masalah kepimpinan. Kelemahan ini dapat dilihat kepada kegagalan mereka bersatu sehingga menimbulkan banyak *power block*, kegagalan mereka untuk menjadi penggerak kepada masyarakat dan kurang menangani masalah-masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat. Malah, ada kelihatan antara mereka hanya mengumpul pengaruh dan kondem antara satu sama lain. Contoh ikutan yang baik dari kalangan ulama masih belum tertonjol untuk menjadi ikutan yang boleh menyakinkan masyarakat dan cara kerjanya banyak dalam bentuk tradisional. Sebagai contoh condem antara satu sama lain ialah MJC melalui *Ad-Da'wah* keluaran Januari 1998 halaman dua, secara halus kondem IUC dan Radio 786 kerana tidak berpuas hati atas kenyataan Pengerusi IUC melalui Radio 786, yang dianggap memburukkan ulama, khususnya ulama MJC. Sebelum itu, melalui *Newsletter* IUC keluaran Januari/Februari 1997 halaman dua, IUC membuat kenyataan tentang pakatan sesetengah ulama memburuk dan menfitnahkannya.

Dalam hal ini, Farid Esack menjelaskan pendapatnya bahawa pelajar-pelajar yang belajar di negara-negara Arab (yang sudah kembali digelar Shaykh dan membawa title ulama) dalam kadar yang begitu lama dan berpisah dengan trend masyarakat tidak membawa suatu perubahan yang selaras dengan masyarakat (Farid Esack dlm Muhammed Haron (comp.), t.t.: 208). Keadaan tersebut dapat dilihat kepada bentuk pengajian yang sampai sekarang banyak dilakukan berdasarkan tradisional. Banyak rujukan masih lagi rujukan-rujukan lama dan penafsiran dalam sesuatu isu masih berlegar dalam skop lama (Ibid: 207).

Satu contoh yang jelas dalam hal ini ialah berhubung dengan sukatan dan cara mengajar di madrasah-madrasah dan kelas-kelas pengajian sampai sekarang kebanyakannya masih mengikut cara tersendiri yang melambangkan kelemahan kerana tiada kemuafakatan untuk melahirkan yang terbaik.

Cara pengajian Islam sampai sekarang banyak mengekalkan dari sudut halal-haram atau hukum, tidak dalam bentuk pembangunan kebudayaan yang utuh. Al-Quran hanya dipelajari dalam bacaan dan maksud, bukan dihayati dalam kehidupan seharian (Arnold, 1998). Di samping itu, pengajian Islam untuk melahirkan ulama dan cerdik pandai Islam juga patut dimasukkan ilmu-ilmu yang ada hubungkait dengan kehidupan dan kemasyarakatan, seperti sosiologi, psikologi dan ekonomi. Pemisahan Ilmu tersebut dengan ilmu-ilmu syariah akan melahirkan ulama yang hanya tahu memberi fatwa tetapi tidak tahu menyelesaikan masalah, seperti yang

berlaku sekarang (Ali Adam, 1998).

Pengkaji sejarah juga menjelaskan bahawa masalah perpecahan ini adalah masalah warisan yang dapat dilihat dari bertaburannya masjid pada sesuatu kawasan kerana berlakunya perpecahan pimpinan kawasan, silap faham dan perbalahan (MJC, 1996: 2). Dalam hal ini Achmat Davids menjelaskan bahawa perpecahan berpunca daripada dua sebab; kepimpinan dan kefahaman tentang ajaran Islam (doctrine). Perlantikan imam bagi masjid adalah penting kerana imam bukan sahaja mengepalai hal-hal dalam masjid, tetapi juga hal-hal lain. Imam tidak boleh disentuh dan mereka dipercayai. Kuasa mereka besar. Dengan kedudukan seperti ini membawa kepada pergeseran (Achmat Davids, 1980: 50). Pergeseran seperti ini juga berlaku disebabkan kefahaman terhadap ajaran Islam, sebagaimana yang berlaku antara pengikut Syafie dan Hanafi (Ibid: 54).

Sampai sekarang, beberapa isu yang membawa kekeliruan masyarakat awam belum diselesaikan. Contohnya, isu menentukan hari raya dan isu sembahyang Zohor selepas Jumaat (Achmat Davids juga menjelaskan latar belakang masalah ini, yang berpunca dari sembahyang Jumaat pada banyak masjid di Cape Town. Fatwa diminta dari Mekah dan akhirnya pada tahun 1886 fatwa dari Mekah menyatakan bahawa pengikut Syafie hendaklah mengadakan Jumaat pada satu masjid sahaja di Cape Town. Ekorannya, setiap masjid ingin mendirikan Jumaat di tempat masing-masing. Sehingga 1914 usaha diambil untuk mengadakan satu Jumaat di Cape Town dan masjid yang dipilih ialah Jamia Mosque (1850). Tetapi, masih ada yang tidak bersetuju. Beberapa ulama dari luar juga melakukan usaha dan memperakui supaya mengadakan Jumaat di Jamia Mosque dengan cadangan digilirkan imam-imam dari lain-lain masjid. Tetapi, cadangan ini juga tidak mendapat kata putus dari kalangan ulama tempatan dan tidak dipatuhi. (Ibid: 56-59).

Masalah kedua yang menjadi pilihan ialah masalah ketiadaan kesatuan atau disebut juga perpecahan orang Islam. Kesatuan masyarakat Islam masih lagi berjalan dalam keadaan yang tidak memuaskan. Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada perpecahan ini, iaitu:

1. Kesan daripada kelemahan dan kegagalan ulama bersatu, termasuk mengenai sesuatu hukum, seperti isu menentukan hari raya.
2. Adanya perasaan taksub kepada pemimpin dan puak.
3. Masih melihat bahawa mazhab sebagai satu halangan untuk bersatu.

4. Pemikiran yang sempit dan melihat sesuatu dengan kaca mata yang sangat terhad.
5. Kekurangan penghayatan ilmu.
6. Wujudnya isu Sunni-Syi'ie.
7. Adanya satu macam perbatasan berdasarkan asal keturunan; Malay Muslim, India Muslim dan *black* Muslim.
8. Sesetengah pihak melibatkan keadaan tersebut dengan adanya peranan kuasa luar yang cuba memecahkan masyarakat Islam supaya orang Islam sentiasa berada dalam kelemahan.
9. Sudah menjadi tabiat manusia ingin berkuasa dan boleh dikatakan berlaku di kalangan semua lapisan.

Masalah ketiga yang menjadi pilihan ialah masalah keruntuhan moral, yang membawa kepada masalah sosial, terutamanya di kalangan muda-mudi. Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada masalah tersebut, iaitu:

1. Kehilangan identiti diri dan nilai disebabkan sentiasa berada di dalam kurungan penjajahan; Belanda, Inggeris dan Apartheid, disamping terus berpisah dengan umbi.
2. Kebiasaan terjadi pada masyarakat minoriti yang tersepit di celah-celah kebudayaan masyarakat majoriti yang bercanggah tentang identiti dan nilai hidup.
3. Kurang mementingkan pendidikan yang boleh membangunkan ketahanan diri.
4. Senang terpengaruh dengan budaya barat, seperti kebebasan, pakaian dan pengguguran.

Masalah keempat yang terpilih ialah masalah dadah. Sangat ramai orang Islam yang terlibat dengan masalah ini. Ada tanda-tanda yang terlibat jauh lebih ramai daripada yang tidak terlibat. Masalah dadah disebabkan sebagaimana sebab-sebab pada masalah ketiga, di samping kerana pengawasan masyarakat dan ibu bapa yang kurang memuaskan terhadap muda-mudi dan undang-undang negara yang terlalu longgar terhadap pengedaranya.

Masalah kelima yang terpilih ialah masalah Cape Malays (terkhusus kepada keturunan Melayu sahaja) kurang berkedudukan dalam masyarakat. Mereka banyak menghadapi masalah ekonomi dan pekerjaan. Masalah ini ada hubungkait dengan

latar belakang profesional keturunan dan sikap kurang mementingkan ilmu dan pelajaran. Sampai sekarang tidak ada suatu usaha yang kukuh dibuat untuk mempertingkatkan mutu pendidikan dan ekonomi Cape Muslims yang selaras dengan kepentingan semasa. Disebabkan lebih suka melayan perasaan dan pandangan sempit yang membawa kepada perpecahan, masalah ini terus terbiar.

Masalah keenam yang terpilih ialah masalah kewangan untuk menggerakkan aktiviti keislaman. Masalah ini ada hubungkait yang rapat dengan masalah kelima.

Masalah ketujuh yang terpilih ialah masalah adanya suatu macam di kalangan sesetengah pihak inginkan kekuasaan dan kepimpinan masyarakat, sehingga timbul rebutan antara satu sama lain. Masalah ini boleh menimbulkan lagi masalah perpecahan. Kebiasaannya, masalah ini disebabkan penonjolan diri untuk kepentingan sendiri tanpa melihat kepentingan umum.

Masalah kelapan yang terpilih ialah masalah Islam pada nama sahaja. Ramai yang rasa sudah memadai menjadi seorang Islam dengan menghayati beberapa perkara kecil, seperti nama, sedangkan perkara-perkara besar dalam Islam tidak diambilkira. Masalah seperti ini bermula daripada ibu bapa dan masyarakat setempat yang tidak peka kepada kepentingan pendidikan anak-anak dan ilmu, di samping kepincangan sistem pembelajaran keagamaan.

Masalah seterusnya yang terpilih ialah masalah ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak, yang menyebabkan anak-anak agak terbiar. Masalah ini berpunca, terutamanya kekurangan pengetahuan dan kesedaran keagamaan ibu bapa terhadap tanggungjawab kepada anak-anak dan masalah mereka dalam ekonomi. Masalah terakhir yang terpilih ialah masalah aliran Syiah yang dilihat sebagai menggugat aliran mazhab yang sedia ada.

Sebagai kesimpulan, Cape Malays masih menghadapi banyak masalah yang agak rumit untuk diselesaikan. Ada masalah dari warisan lama dan ada masalah yang baru timbul. Perpecahan dan kelemahan penggerak itu sendiri merupakan masalah utama yang perlu diselesaikan. Segala aktiviti dakwah harus diselaraskan dengan permasalahan ini. Kalau tidak, ia menjadi usaha yang sia-sia.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Cape Town kawasan yang mula-mula bertapak bagi Afrika Selatan dan ia dibawa oleh golongan hamba, buangan politik dan

orang penjara, dari Kepulauan Melayu dan India selepas pertengahan abad ke-17.

2. Islam yang dibawa ke Cape Town banyak dalam bentuk tasawuf. Ia mementingkan ritual peribadi dan bacaan zikir. Ia sesuai dengan suasana pada ketika itu. Sampai sekarang, ramai Cape Malay masih mewarisi bentuk tersebut, terutamanya dari sudut bacaan bermelodi.
3. Aktiviti dakwah pada masa-masa dahulu banyak dilakukan melalui hubungan peribadi, perjumpaan di rumah, pengajian *madrasah* di rumah dan pengajian *madrasah* di masjid. Isi dakwah banyak dalam bentuk ritual peribadi dan bacaan zikir.
4. Tentangan pihak penjajah terhadap gerakan Islam sangat kuat; hukuman berat dikenakan kepada sesiapa yang didapati melakukan penghayatan Islam di khalayak ramai.
5. Istilah Cape Malays lebih sesuai dimaksudkan kepada Cape Muslims, atau paling kurang kepada orang-orang Islam Cape yang berasal dari Kepulauan Melayu.
6. Terdapat banyak masalah di kalangan Cape Malays sekarang dan yang utamanya ialah kelemahan kepimpinan yang didominasi oleh golongan yang disebut ulama, yang menimbulkan antaranya masalah *power block*, lemah kesatuan dalam masyarakat Islam, keruntuhan moral dan dadah.
7. Ramai orang Islam di Cape Town yang sangat gigih berusaha memberi sumbangan kepada perkembangan dakwah dan mungkin lebih gigih daripada orang Islam di sesetengah negara Islam sendiri.

Bibliografi

- Achmat Davids, (1995), "*The Kramats Around The Cape Peninsula*", *Sufi Sahib*, 10-17 Dec. 1995.
- _____, (1980), *The Mosques of Bo-Kaap*, The South African Institute of Arabic and Islamic Research, Cape Town.
- _____, (10.12.1997), Boo-Kaap, interview.
- Ali Adam, (5.2.1998), Islamia College, Director, interview.
- Arnold, Achmad Fadil, (26.1.1998), Boo-Kaap, interview.
- Boo-Kaap Museum, (dokumen di Boo-Kaap Museum, Cape Town).
- Boorhaanol Islam Movement, (1997), *Taraweeg Survey 1997*, BIM.
- Bradlow, Frank R and Margaret Cairus, (1978), *The Early Cape Muslims*, A.A. Balkema, Cape Town.
- Brian, and his friends, (1988), *Illustrated History of South Africa*, The Reader's Digest Assosiation, Cape Town.
- Burger, Delien, (editor), (Third edition), *South Africa Yearbook 1996*, SA Com. Service, Pretoria.
- Costa, Yusuf da and Achmat Davids, (1994), *Pages From Cape Muslim History*, Shuter & Shooter, Pietermaritzburg.
- Cox, Richard, (1995), *Southern Africa*, Thornton Cox, New York.
- D' Arcy, Dr. M.C., (10.12.1997), Penlyn Estate, interview.
- Ebrahim Ismail, (10.12.1997), (Pengarah IDM Western Cape), interview.
- ICOSA, (t,t), *Islamic College of Southern Africa*, ICOSA.
- IDM, (1997), *IDM 20 Years*, IDM.
- Joyce, Peter, (1995), *Panoramic South Africa*, CNAL, Johannesburg.
- Mahida, Ebrahim Mahomed, (1993), *History of Muslims in South Africa*, Arabic Study Circle. Durban.
- MJC, (1998), "*Giants of the Cape*", *Ad-Da'wah*, Jan. 1998.
- _____, (1996), "*The History of the MJC*", *Ad-Da'wah*, Dis. 1996.

Mowzer, Dr. N.A, (5.11.1997), Velville, interview.

Muhammed Haron (comp.), (t.t.), *South African Islam*, Vol. 2, UWC.

SACS, (t.t.), *This is South Africa*, SACS, Pretoria.

Yasien Mohammed, (ed), (1997), *The Teaching of Arabic in South Africa*, UWC, Cape Town.